



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### KEMBARA KASIH WANITA DEKATI MASYARAKAT SETEMPAT

**LUNDU, SARAWAK**, 19 Mac – Program Kembara Kasih Wanita anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang diadakan hari ini berjaya mencapai objektif bagi merapatkan hubungan dengan kumpulan sasaran iaitu komuniti wanita serta masyarakat setempat dalam suasana yang santai dan mesra rakyat. Program turun padang tersebut turut menjadi platform untuk menyebarkan maklumat perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan serta mempromosikan pelbagai program yang dilaksanakan oleh JPW dan agensi lain di bawah KPWKM.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh **YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**. Dalam ucapan, beliau menegaskan bahawa agenda memperkasa wanita merupakan tanggungjawab bersama semua pihak dan bukan hanya dipikul oleh KPWKM sahaja. Dalam hal ini, YB Menteri memuji peranan serta inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi khususnya di Sarawak dalam membantu membangun, memperkasa, mengiktiraf kebolehan dan sumbangan wanita dalam pembangunan negara.

Program Kembara Kasih Wanita diinspirasi daripada tema sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada tahun ini iaitu 'KASIH Wanita'. **KASIH Wanita** menggunakan akronim **K.A.S.I.H** iaitu **kasih sayang, akhlak mulia, sihat, ilmu dan harmoni** untuk meraikan wanita yang sentiasa mencurahkan kasih sayang, mengekalkan akhlak mulia, memastikan diri dan keluarga sihat, sentiasa mempertingkatkan ilmu dan memelihara keharmonian sekeliling. Program ini membawa aspirasi Malaysia MADANI dengan menterjemahkan konsep Madani bukan sahaja melalui KASIH Wanita, malahan juga menerusi KASIH Keluarga dan KASIH Remaja.

**KASIH Wanita** juga sangat signifikan dengan penubuhan KPWKM 22 tahun yang lalu yang mana KASIH adalah pertautan nilai-nilai murni yang mengukuhkan lagi peranan KPWKM sebagai peneraju utama dalam pembangunan masyarakat ke arah kemakmuran bersama. Ia sangat bertepatan dalam usaha berterusan KPWKM untuk memperkasa wanita dan mengarus perdana gender bagi mencapai kesejahteraan bersama. Ini juga adalah selari dengan hasrat Malaysia Madani melalui kesejahteraan rakyat serta keterangkuman sosial.

Antara pengisian program termasuklah slot ceramah MATAHARI yang disampaikan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, slot ceramah berkaitan Akta Anti Gangguan Seksual (AGS) oleh Jabatan Pembangunan Wanita, *Pocket Talk* serta pameran daripada agensi-agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Yayasan Kebajikan Negara (YKN), PERKESO dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Negeri Sarawak. Selain itu, turut diadakan Pertandingan 'Memasak Menu Rahmah' dengan kerjasama NGO wanita Sarawak iaitu Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) cawangan Sarawak dan Pertandingan 'Hasil Seni Kreatif' oleh ***Centre for Technology Excellence Sarawak***.

Turut hadir pada majlis ini ialah YBrs. Puan Farah Adura binti Hamidi, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KPWKM dan YBrs. Dr Wan Ibtisam binti Wan Ismail, Ketua Pengarah JPW.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
19 MAC 2023